

# HARI KESELAMATAN INSPRA DAN CAWANG OPERASI PU KUANTAN



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4759-hari-keselamatan-inspra-dan-cawang-operasi-pu-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4759-hari-keselamatan-inspra-dan-cawang-operasi-pu-kuantan)

KUANTAN, 3 Apr 19 – Komandan INSPRA, Kol Ben Khedda Adnan bin Mohd Yusoff TUDM telah merasmikan Hari Keselamatan INSPRA dan Cawang Operasi di Auditorium Sekolah Bomba dan Menyelamat. Program yang dianjurkan ini juga telah menjemput agensi luar iaitu PDRM, SKMM dan Jabatan Alam Sekitar bagi bekerjasama menjayakannya.

Turut hadir Ketua Cawang Operasi, Lt Kol Azizan bin Mat Isa TUDM, pegawai-pegawai, anggota Pangkalan Udara Kuantan dan peserta kursus. Program ini banyak memberi maklumat yang berguna kepada semua yang hadir. Warga INSPRA merakamkan ucapan terima kasih kepada agensi yang telah menjayakan program ini dan telah mencapai matlamat dan objektif penganjuran.

